



**MAKLUMAT
ANUGERAH TOKOH SISWA UTeM
2024
(ATS@UTeM'24)**

ANUGERAH TOKOH SISWA UTeM 2024 (ATS@UTeM'24)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

A. PENDAHULUAN

- I. Anugerah Tokoh Siswa UTeM 2024 (ATS@UTeM'24) adalah merupakan platform untuk mengiktiraf dan memberi galakan kepada kepimpinan mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten selari dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.
- II. Anugerah Tokoh Siswa UTeM 2024 (ATS@UTeM'24) ini diadakan selari dengan Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memperkenalkan penganjuran Majlis Anugerah Tokoh Siswa kali pertama pada 1 Mac 2013. Anugerah ini membuka peluang kepada mahasiswa untuk bersaing secara sihat dan terlibat secara langsung dalam aktiviti pembangunan sahsiah di IPT bagi melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi dalam aspek kepimpinan, sukan, kebudayaan, kesukarelawan, inovasi, keusahawanan, pengucapan awam, dan lain-lain.

B. OBJEKTIF

- I. Penganjuran Anugerah Tokoh Siswa UTeM 2024 (ATS@UTeM'24) bertujuan untuk :
 - Mencari pelajar yang berkelayakan dan bersesuaian untuk dijadikan calon dalam Majlis Anugerah Tokoh Siswa (ATS) di peringkat KPT
 - Memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan/kelab dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/aktiviti mahasiswa
 - Mengiktiraf peranan individu dan persatuan/kelab yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh UTeM dalam pelaksanaan program/aktiviti kemahasiswaan
 - Memberi kesedaran, motivasi serta peluang kepada para mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang.

C. ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN

1. Sebanyak 16 anugerah mengikut katagori akan dipertandingkan dan 1 anugerah utama akan direbut untuk menerima gelaran **Anugerah Tokoh Siswa TUAH Gemilang** sebagai mana kategori berikut:

ANUGERAH TOKOH SISWA TUAH GEMILANG	
ANUGERAH UTAMA	
	ANUGERAH TOKOH SISWA TUAH GEMILANG Hadiah – *RM1,000.00, Trofi dan Sijil
ANUGERAH MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN	
KLUSTER KEPIMPINAN PELAJAR	
1.	ANUGERAH KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
2.	ANUGERAH KEPIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
3.	ANUGERAH KEPIMPINAN PERSATUAN/KELAB/SEKRETARIAT Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
KLUSTER PEMBANGUNAN SOSIAL	
4.	ANUGERAH KEPIMPINAN KEBUDAYAAN Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
5.	ANUGERAH KEPIMPINAN KEUSAHAWANAN Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
6.	ANUGERAH KEPIMPINAN SUKAN Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
KLUSTER PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN INTELEKTUAL	
7.	ANUGERAH KEPIMPINAN PENGUCAPAN AWAM Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
8.	ANUGERAH KEPIMPINAN WACANA INTELEK Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
9.	ANUGERAH KEPIMPINAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM) Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
KLUSTER KESUKARELAWANAN	
10.	ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI) Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
11.	ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR) Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
12.	ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KEMANUSIAAN) Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil

ANUGERAH TOKOH SISWA TUAH GEMILANG	
KLUSTER KHAS INDIVIDU	
13.	ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN IBNU UMMU MAKTUM Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
14.	ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN PELAJAR ANTARABANGSA Hadiah- Wang tunai RM500.00, Trofi dan Sijil
KLUSTER KHAS PASUKAN	
15.	ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK Hadiah- Wang tunai RM700.00, Trofi dan Sijil
16.	ANUGERAH FAKULTI/PERSATUAN/KELAB TERBAIK Hadiah- Wang tunai RM700.00, Trofi dan Sijil

II. Keterangan Anugerah Mengikut Kategori Yang Dipertandingkan

KLUSTER KEPIMPINAN PELAJAR

1. **ANUGERAH KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) peringkat MPP di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi perwakilan pelajar.
2. **ANUGERAH KEPIMPINAN KOLEJ KEDIAMAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa kolej kediaman (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi kolej kediaman.
3. **ANUGERAH KEPIMPINAN PERSATUAN/KELAB/SEKRETARIAT** dibuka kepada pemimpin mahasiswa Fakulti / Persatuan / Kelab / Sekretariat (individu) yang berdaftar secara rasmi di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan ciri-ciri kepemimpinan berwibawa dalam pengurusan organisasi Fakulti / Persatuan / Kelab / Sekretariat.

KLUSTER PEMBANGUNAN SOSIAL

4. **ANUGERAH KEPIMPINAN KEBUDAYAAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program kebudayaan yang berimpak tinggi.
5. **ANUGERAH KEPIMPINAN KEUSAHAWANAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program keusahawanan berimpak tinggi.

6. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKAN** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program sukan berimpak tinggi.

KLUSTER PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN INTELEKTUAL

7. **ANUGERAH KEPIMPINAN PENGUCAPAN AWAM** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program-program Pengucapan Awam seperti debat dan pidato yang berimpak tinggi.
8. **ANUGERAH KEPIMPINAN WACANA INTELEK** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan program/ seminar/ persidangan/ konvensyen/ kolokium/simposium berimpak tinggi.
9. **ANUGERAH KEPIMPINAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan dalam menganjurkan program STEM berimpak tinggi.

KLUSTER KESUKARELAWANAN

10. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KESEJAHTERAAN KOMUNITI)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan yang menjurus kepada kesejahteraan komuniti berimpak tinggi dan meningkatkan kesedaran atau taraf ekonomi dan sosial masyarakat.
11. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (ALAM SEKITAR)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan alam sekitar berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada alam sekitar melalui program kesedaran, pemeliharaan dan pemuliharaan bagi menjamin kelestarian alam sekitar.
12. **ANUGERAH KEPIMPINAN SUKARELAWAN (KEMANUSIAAN)** dibuka kepada pemimpin mahasiswa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dengan terlibat dalam dan menganjurkan misi/program kesukarelawanan kemanusiaan berimpak tinggi dan memberi manfaat melalui program atau usaha yang berkaitan dengan meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan manusia serta meringankan beban melalui bantuan dan sokongan

dalam meningkatkan nilai kehidupan manusia bagi menjamin kelestarian berterusan.

KLUSTER KHAS INDIVIDU

13. **ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN IBNU UMMU MAKTUM** dibuka kepada mahasiswa (individu) orang kurang upaya di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi.
14. **ANUGERAH KHAS KEPIMPINAN PELAJAR ANTARABANGSA** dibuka kepada pemimpin mahasiswa antarabangsa (individu) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dalam menganjurkan program-program berimpak tinggi dan memberi kesan kepada komuniti tempatan.

KLUSTER KHAS PASUKAN

15. **ANUGERAH PASUKAN SUKARELAWAN TERBAIK** dibuka kepada mana-mana kumpulan/pasukan/badan/kelab sukarelawan (berpasukan) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program kesukarelawanan berimpak tinggi.
16. **ANUGERAH FAKULTI/PERSATUAN/KELAB/SEKRETARIAT/TERBAIK** dibuka kepada fakulti/persatuan/kelab (berpasukan) di UTeM yang menunjukkan pencapaian terbaik dan menganjurkan program-program berimpak tinggi.

Pemenang anugerah (1) hingga (12) secara automatik layak bertanding untuk mendapat **Anugerah Tokoh Siswa TUAH Gemilang**. Kluster Khas Individu dan Kluster Khas Pasukan tidak layak untuk bertanding **Anugerah Tokoh Siswa TUAH Gemilang**.

D. PENGHARGAAN KHAS TUAH TERBILANG diberi kepada mahasiswa UTeM yang mempunyai nilai-nilai unik (seperti banyak memberi sumbang bakti kepada pihak Universiti, menaikkan nama Universiti ke peringkat Antarabangsa dan lain-lain). Penghargaan Khas TUAH Terbilang tidak dipertandingkan dalam **Anugerah Tokoh Siswa TUAH Gemilang**.

E. PENGHARGAAN KHAS KLUSTER diberi kepada mahasiswa UTeM yang mempunyai nilai-nilai unik (seperti banyak memberi sumbang bakti kepada pihak Universiti, menaikkan nama Universiti tetapi tidak menepati kriteria pemarkahan yang telah ditetapkan).

F. KRITERIA PEMARKAHAN:

i. Calon-calon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut;

- a) Kluster Kepimpinan
- b) Kluster Pembangunan Sosial
- c) Kluster Pembangunan Akademik dan Intelektual
- d) Kluster Kesukarelawanan
- e) Kluster Khas Individu

Perkara dinilai	Markah (%)
Maklumat Diri	20
Impak Program	50
Impak Anugerah	10
Maklumat Impak Program	20
Jumlah keseluruhan	100

f) Kluster Khas Pasukan

Perkara dinilai	Markah (%)
Impak Program	100
Jumlah keseluruhan	100

g) Penghargaan Khas

Perkara dinilai	Markah (%)
Maklumat Diri	20
Maklumat Kejayaan	80
Jumlah keseluruhan	100

- h) Temuduga (Khusus untuk Calon Anugerah UTAMA)

PERKARA	PECAHAN MARKAH
TEMUDUGA	
SESI PERTAMA • Temuduga berkumpulan dalam bentuk <i>role play</i> • Bahasa Inggeris	40%
SESI KEDUA • Temuduga individu	60%
Jumlah keseluruhan	100%

- ii. Titik ambang akan ditentukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Saringan ATS@UTeM'24 merujuk prestasi keseluruhan calon yang memohon
- iii. Pemenang 12 kategori yang mendapat markah yang tertinggi **akan secara automatik layak untuk diiktiraf sebagai Tokoh Siswa TUAH Gemilang UTeM**

**TERMA DAN SYARAT PENCALONAN
ANUGERAH TOKOH SISWA UTeM 2024 (ATS@UTeM'24)
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

- 1) Penyertaan adalah **terbuka kepada semua mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka warganegara Malaysia** yang belajar secara **sepenuh masa** di peringkat **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 2) Pencalonan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Pelajar Antarabangsa** hanya dibuka kepada mahasiswa antarabangsa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang belajar secara sepenuh masa di peringkat **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 3) Pencalonan bagi **Anugerah Khas Kepimpinan Ibnu Ummu Maktum** hanya dibuka kepada **mahasiswa kurang upaya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka** yang belajar sepenuh masa di peringkat **Diploma atau Ijazah Sarjana Muda** sahaja.
- 4) Calon hendaklah berstatus aktif dalam pengajian sehingga **30 September 2024**.
- 5) Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan sepanjang sesi 2023/2024 (1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024) sahaja.
- 6) Calon mestilah memiliki **CGPA TERKINI** sekurang-kurangnya **3.00**.
- 7) Calon layak memohon lebih daripada satu kategori yang dipertandingkan.
- 8) Calon mestilah daripada persatuan yang berdaftar di UTeM.
- 9) Borang pencalonan yang telah lengkap hendaklah disemak oleh Penasihat Persatuan.
- 10) Calon hendaklah mengemukakan **HANYA 2 PROGRAM SAHAJA YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN BERSAMA-SAMA BUKTI** yang dilaksanakan pada sesi 2023/2024 (bermula 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024) untuk setiap kategori yang berkaitan dipertandingkan.
- 11) Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 November 2024 (Isnin)** jam 5.00 petang.

- 12) Pemenang kategori individu 1 - 12 (kecuali Kluster Khas Individu dan Kluster Khas Pasukan) yang dipertandingkan akan secara automatik layak bertanding untuk diiktiraf sebagai Tokoh Siswa TUAH Gemilang.
- 13) Semua pemenang Anugerah Tokoh Siswa UTeM 2024 (ATS@UTeM'24) bagi tahun sebelum ini layak untuk dicalonkan lagi untuk tahun semasa dan berikutnya.
- 14) Borang yang **TIDAK LENGKAP** atau **Terdapat Sebarang Penipuan TIDAK** akan diproses.
- 15) Keputusan Jawatankuasa Pemilih Anugerah Tokoh Siswa UTeM 2024 adalah **MUKTAMAD**.
- 16) Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :

Encik Muhammad Haziq Bin Mazelan

Penolong Pendaftar

Bahagian Pembangunan Pelajar dan Bakat Pelajar

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)